

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
SESI PEMBUKAAN PENILAIAN DALAMAN
BAGI PERSEDIAAN PENARAFAN *ENERGY*
MANAGEMENT GOLD STANDARD (EMGS)
SATU (1) BINTANG DI BAWAH PENSIJILAN
ASEAN ENERGY MANAGEMENT SCHEME
(AEMAS) UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

14 MEI 2025 | SELASA | 9.00 PAGI
BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 3, BANGUNAN FF1
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATUWASALAMUALAASYRAFIL
ANBIYA IWALMURSALIN WAALAALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Barisan Penilai Dalaman Bagi Persediaan
Penarafan Energy Management Gold Standard
(EMGS);**

- 1.Ir. Haji Ahmad Fatani Haji Abdul Rahman
- 2.Profesor Madya Dr. Musthafah Mohd Tahir

YBrs. Profesor Dr. Norazmir Md Nor

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Encik Amirul Hafiz Bakri

Ketua Timbalan Bendahari

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Ts. Zainolasri Abdul Sani

Pengarah Pejabat Pengurusan Fasilitas

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Ts. Haji Mohamad Hamidi Mohd Jais

Timbalan Pustakawan

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Dato' Profesor Dr Abu Bakar Abdul Majeed

Dekan Fakulti Farmasi

YBrs. Profesor Ts Dr Shafinar Ismail

Dekan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

YBrs. Profesor Madya Dr Shireena Basree Abdul

Dekan Fakulti Pendidikan

YBrs. Profesor Dr Norzuwana Sumarjan

Dekan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan

YBrs. Profesor Madya Dr Azhar Abd Jamil

Dekan Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka

Para Pegawai UiTM Cawangan Selangor

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi **Mesyuarat Pembukaan Penilaian Dalaman Bagi Persediaan Penarafan *Energy Management Gold Standard (EMGS)***

Satu (1) Bintang Di Bawah Pensijilan *Asean Energy Management Scheme (AEMAS)* UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam.

2. Untuk makluman tuan puan sekalian, penilaian dalaman yang akan dijalankan pada hari ini dan esok bertujuan memastikan kesiapsiagaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam bagi menghadapi penilaian sebenar yang dijangkakan pada bulan Oktober 2025.
3. Saya dan barisan pengurusan UiTM Cawangan Selangor sentiasa komited dalam memastikan penggunaan tenaga yang cekap dalam operasi harian kampus.
4. Saya difahamkan, pensijilan EMGS ini adalah mekanisme untuk menggalakkan organisasi dan industri untuk mengambil pendekatan sistematik dalam pengurusan tenaga dan ia melibatkan pelaksanaan teknologi terkini, audit tenaga, dan

pelan tindakan yang jelas untuk mencapai penjimatan tenaga yang optimum.

5. Hasil nya kita bukan sahaja dapat mengurangkan pembaziran tenaga, malah membantu organisasi mencapai penjimatan kos serta memenuhi tanggungjawab sosial dan alam sekitar.
6. Saya dan barisan pengurusan UiTM Cawangan Selangor berharap dengan adanya penilaian dalaman ini kita boleh melihat aspek yang boleh ditambah baik bagi memastikan UCS bakal berjaya memperolehi Penarafan 1 Bintang tersebut.
7. Saya mohon kerjasama dari semua pihak agar memudahkan urusan penilaian dalaman (*Assessment*) ini dan memastikan sebarang peluang penambahbaikan (*Opportunity of Improvement*) diambil tindakan sewajarnya.

8. Peranan semua pihak adalah penting dalam memastikan kejayaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam untuk mendapatkan pengiktirafan dan pensijilan ini.
9. Saya mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada para penilai, iaitu **Ir. Haji Ahmad Fatani Haji Abdul Rahman** dan **Profesor Madya Dr. Musthafah Mohd Tahir**, di atas kesudian meluangkan masa, kepakaran dan khidmat nasihat mereka.
10. Semoga dengan pendekatan dan persedian ini, urusan Penarafan 1 Bintang EMGS untuk UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dipermudahkan dan seterusnya berjaya kita perolehi.

**Sekian,
Wabillahitaufiqwalhidayah
Wassalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh.**